



Transformasi diri asas keutuhan ummah

*Letak tanda aras
bagi mencapai
kecemerlangan
dalam hidup*

Sudah menjadi tuntutan agama untuk setiap Muslim menjadi terbilang sebagai khalifah di muka bumi. Bukan saja cemerlang dalam kehidupan manusiawi, tetapi juga dari segi akidah, ibadah dan akhlak kerana kebaikan di dunia adalah teras kebaikan di akhirat.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Ada di antara manusia yang berdoa: Wahai Tuhan Kami! Berilah kami (kebaikan) di dunia. (Orang ini diberikan kebaikan di dunia) dan tidak ada baginya sedikitpun kebaikan di akhirat). Dan di antara mereka pula ada yang berdoa: Wahai Tuhan kami; berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka. Mereka itulah yang akan mendapat baha-

gian yang baik dari apa yang telah mereka usahakan; dan Allah amat cepat hitungan-Nya." (Surah al-Baqarah, ayat 200-202)

Peranan sebagai hamba

Perlu kita ingat, peranan sebagai hamba Allah SWT bukan hanya terbatas kepada ibadah khusus semata-mata tetapi peranan lain yang diamanahkan kepada manusia. Salah faham terhadap hakikat kehambaan sering kali menjadikan Muslim hanya ingin menjadi baik sewaktu bersolat, berpuasa, menunaikan haji dan berzakat, tetapi apabila berurusan dengan manusia, mereka menjadi sebaliknya.

Ada segelintir yang tergamak mencederakan, membunuh, menipu, pecah amanah, merogol, mengkhianati dan menzalimi sesama manusia sedangkan mereka tetap mengaku sebagai penganut agama Islam.

Walaupun tahu agama Islam melarang sebarang bentuk kejahatan, mereka tetap melakukannya kerana tidak memahami hakikat kehambaan dan kekhalifahan. Sering kali mereka cuba untuk berubah, tetapi tiada sokongan yang mantap membantu mentransformasi diri.

Sedangkan kecemerlangan Muslim sangat bergantung kepada transformasi diri dan keupayaan mengenali kekuatan serta kelemahan diri supaya dapat merencana kehidupan baru dengan iltizam yang tinggi.

Mereka yang cemerlang dalam kehidupan di dunia ialah mereka yang merancang kehidupan dengan positif, melihat kekuatan, mengasah kelebihan dan mewakafkan kebaikan untuk manfaat manusia seluruhnya.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila dikehendaki oleh Allah keburukan kepada sesuatu kaum, maka tidak ada yang dapat menolak, dan tidak ada pelindung bagi mereka selain daripada-Nya." (Surah Ar-Rad)

Transformasi diri

Justeru, transformasi diri adalah satu usaha pertama yang harus dilakukan setiap individu Muslim yang inginkan kehidupan baik di dunia untuk akhirat yang sejahtera. Kita harus keluar daripada kejahilan dengan membudayakan ilmu dan kebaikan dalam setiap amalan.

Pertuturan contohnya, individu yang bersedia mentransformasi diri tidak menggunakan kata-kata yang melemahkan peribadi, memburukkan orang lain atau menyampaikannya keaiban orang lain. Umpatan dan kejian pula menjadi sempadan yang harus dijauhi supaya ia tidak menjadi nilai yang merosakkan susu sebelanga.

Sudah tentulah dalam melakukan transformasi diri ke arah kecemerlangan ia memerlukan individu manusia yang mempunyai jiwa besar. Hasrat mereka tidak terganggu gugat oleh hasutan jahat. Mereka harus mempunyai kemahuan tinggi yang tidak mampu digugat oleh sebarang kelemahan.

Mereka juga harus mempunyai prinsip hidup yang teguh, yakin, serta tidak akan melakukan kesilapan. Dengan prinsip inilah setiap individu ingin mentransformasi diri akan mampu membentuk diri sendiri, orang lain dan masyarakat yang cemerlang.

Kita maklum bahawa kecemerlangan diri jika dihalakan kepada kebaikan akan membawa banyak keuntungan,

tetapi jika dihalakan kepada kejahatan, membawa banyak keuntungan juga, tetapi keuntungan kejahatan ialah himpunan dosa yang banyak dan menjerumuskan ke neraka jahanam.

Itu bukanlah yang kita mahukan, sebaliknya kita ingin keuntungan daripada kebaikan. Mulai dari saat ini, kita haruslah bulatkan tekad untuk mentransformasi diri ke arah kecemerlangan dengan meletakkan tanda aras prestasi cemerlang mengikut kekuatan dan kelemahan diri masing-masing.

Indeks kematangan

Sebagai pemimpin masyarakat, kita perlu meletakkan indeks kematapan akidah, akhlak, ekonomi, sosial dan pembangunan negara selari dengan pemeraksanaan rohani. Sebagai ketua rumah tangga, suami perlu meletakkan indeks keharmonian rumah tangga ibarat syurga.

Syurga rumah tangga iaitu tempat yang penuh dengan ketenangan, kenikmatan dan kebahagiaan sebagai budaya yang dapat menghindari ahli-ahli keluarga daripada gejala rosak akhlak. Sebagai individu Muslim kita perlu meletakkan indeks peningkatan jati diri Muslim yang berkualiti.

Individu yang bersedia mentransformasi diri tidak menggunakan kata-kata yang melemahkan peribadi, memburukkan orang lain atau menyampaikannya keaiban orang lain"

Sebagai rakyat kita perlu meletakkan indeks kematapan peribadi sebagai penilai yang saksama kepada prestasi kepimpinan pemimpin. Sebarang kepincangan perlu ditangani secara penuh berhemah dan berdaya Islami.

Sebagai isteri, indeks pencapaian diukur dengan kemampuan

mentarbiah anak sehingga mampu melahirkan generasi yang mampu mencorakkan masyarakat unggul. Jadikan transformasi diri sebagai batu asas untuk kita membina sebuah tamadun bangsa yang beretika dan bermaruah.

Memang benar, transformasi diri adalah asas keutuhan ummah. Tiada gunanya kita membetulkan orang lain jika kita tidak berada di atas landasan yang betul. Tiada guna kita mengatakan orang lain salah jika kita tidak tahu apa yang betul.

Mengislahkan diri ke arah yang lebih cemerlang adalah seiring dengan perintah Allah SWT supaya kita sentiasa membuat kebaikan dan berusaha mencegah kemungkaran.



**NIK SALIDA
SUHAILA**

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia